

# **“A NEW BLOOMING BLOSSOM” RAI DETIK PENUKARAN KUKUM KEPADA UniMAP**



**Penghuni** Kolej Kediaman bersama Majlis Perwakilan Pelajar, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mengadakan Majlis Sambutan Tahun Baru Cina 2007- “A New Blooming Blossom”, di Dewan Capitol UniMAP, pada 4 Mac 2007. Majlis yang bermula jam 8.30 malam ini dihadiri oleh seluruh warga UniMAP dan masyarakat sekitar Perlis.

Menurut Lam Chee Kiang, Pengarah Program Sambutan Tahun Baru Cina 2007- “ A New Blooming Blossom” berkata, tujuan utama penganjuran sambutan perayaan ini adalah untuk mengumpulkan semua warga UniMAP untuk menghayati perayaan ini.

Katanya lagi, di samping itu juga program seumpama ini dapat mengeratkan perhubungan yang mesra lagi erat antara kaum yang ada di universiti ini. Kita juga ingin memperkenalkan budaya dan tradisi kaum Cina kepada bangsa lain agar dapat menambahkan lagi persefahaman antara kaum.

Menurut beliau, “A New Blooming Blossom” membawa maksud permulaan dan tema ini merujuk kepada bermula detik bertukarnya KUKUM kepada UniMAP. Usia UniMAP yang masih setahun jagung, sama sekali tidak menjadi penghalang untuk berdiri megah dan teguh seiring dengan IPTA yang lain.

Di titik permulaan yang baru ini, kita haruslah mengamalkan sikap bergading bahu bagi menjadikan UniMAP di antara yang cemerlang, gemilang dan terbilang seiringan dengan nilai teras yang didukungi iaitu ilmu, keikhlasan dan kecemerlangan.

Dalam majlis itu juga, pelbagai acara yang menarik telah diadakan bagi memeriahkan Sambutan Tahun Baru Cina 2007 pada kali ini. Antara lain ialah persembahan kebudayaan oleh pelajar-pelajar UniMAP. Selain itu, Pelajar dari Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan pelajar sekolah rendah dan menengah di Perlis turut mengadakan persembahan.

Majlis Sambutan Tahun Baru Cina 2007 ini telah dirasmikan oleh En. Steven Lee, Pegawai Khas kepada Menteri Besar Perlis.